

[*THE INFLUENCE OF INTEREST ON THE ARABIC LANGUAGE ACHIEVEMENT AMONG CANDIDATES OF THE MALAYSIAN HIGHER SCHOOL CERTIFICATE*]

PENGARUH MINAT TERHADAP PENCAPAIAN BAHASA ARAB DALAM KALANGAN CALON SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA

NUR FATANAH BINTI MAT NOOR ^{1*}

NOORAIHAN BINTI ALI¹

ARINA AMALIA PRIHARTINI²

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampung Gong Badak, 21300, Terengganu, Malaysia

Email: fatahnur49@gmail.com

Received: 30th April 2024

Accepted: 15th May 2024

Published: 1st June 2024

Abstract

The Arabic language plays an important role in the context of religion, education, and culture. As a country with a majority Muslim population, the teaching and learning of Arabic in Malaysia focus on the understanding of the Quran and Islamic studies. Therefore, Arabic is included as one of the subjects in the national curriculum in secondary schools and higher education institutions to achieve Arabic language proficiency. However, studies have found that students' achievements in Arabic in Malaysia are still at an unsatisfactory level. Factors influencing student achievement include different backgrounds and interests. Thus, this study examines the influence of interest and the factors affecting it on the achievement of Arabic language skills among Malaysian Higher School Certificate (STPM) examination candidates. The study involves STPM candidates taking the Arabic language subject in secondary schools in Terengganu, Malaysia. Data were collected through surveys and analyzed using descriptive and correlation statistical methods. Through descriptive and inferential statistical analysis, this study explores the relationship between the level of interest and achievement in the subject. The findings show a significant correlation between the level of interest and academic performance in the Arabic language subject. Although students showed varying levels of interest, their achievement in the Arabic language subject at the Malaysian Certificate of Education (SPM) level was found to be moderate on average. Additionally, the study results indicate that there are two main factors influencing interest: personal relevance and positive learning experiences. Thus, this study emphasizes the importance of fostering student interest through other influencing factors such as effective teaching methods and the creation of a conducive learning environment to improve Arabic language skills among STPM candidates.

Keywords: *Influence, Interest, Achievement, Arabic Language, STPM*

Abstrak

Bahasa Arab memainkan peranan penting dalam konteks agama, pendidikan, dan budaya. Sebagai sebuah negara dengan populasi majoriti Muslim, pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia memfokuskan kepada pemahaman Al-Quran dan pengajian Islam. Oleh itu, Bahasa Arab dijadikan sebagai salah satu subjek dalam kurikulum kebangsaan di sekolah-sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi bagi mencapai Kemahiran Bahasa Arab. Namun, kajian mendapati pencapaian bahasa Arab pelajar di Malaysia masih berada pada tahap yang tidak memuaskan. Antara faktor yang

mempengaruhi pencapaian pelajar adalah kerana latar belakang dan minat yang berbeza. Oleh itu, kajian ini mengkaji pengaruh minat dan faktor-faktor yang mempengaruhinya terhadap pencapaian kemahiran Bahasa Arab dalam kalangan calon peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Kajian melibatkan calon STPM yang mengambil mata pelajaran bahasa Arab di sekolah menengah di Terengganu, Malaysia. Data dikumpulkan melalui tinjauan dan dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif dan korelasi. Melalui analisis statistik deskriptif dan inferensi, kajian ini meneroka hubungan antara tahap minat dan pencapaian dalam bahasa tersebut. Dapatan menunjukkan korelasi yang signifikan antara tahap minat dan prestasi akademik dalam mata pelajaran Bahasa Arab. Walaupun pelajar menunjukkan tahap minat yang berbeza, pencapaian mereka dalam mata pelajaran Bahasa Arab di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) didapati sederhana secara purata. Selain itu, hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat dua faktor utama yang mempengaruhi minat, iaitu relevansi peribadi dan pengalaman pembelajaran positif. Justeru, kajian ini menekankan kepada kepentingan mengasah minat pelajar melalui faktor-faktor yang mempengaruhi minat yang lain seperti kaedah pengajaran yang berkesan dan pembentukan persekitaran pembelajaran yang kondusif untuk meningkatkan kemahiran Bahasa Arab di kalangan calon STPM.

Kata kunci: Pengaruh, Minat, Pencapaian, Bahasa Arab, STPM

Pendahuluan

Di Malaysia, bahasa Arab membawa pengaruh yang sangat besar dalam masyarakat Melayu walaupun Malaysia terletak jauh dari negara-negara Arab. Hal ini disebabkan oleh pengaruh yang diterima masyarakat Melayu setelah datangnya agama Islam dari Tanah Arab ke Tanah Melayu seawal kurun 7 Masihi (Zainur Rijal & Rosni, 2007). Menurut al-Attas (1984), kemunculan bahasa Arab di Malaysia bermula sekitar kurun ke-13 Masihi seiring dengan kedatangan Islam di Tanah Melayu oleh pedagang-pedagang Arab melalui proses komunikasi dan perbualan. Seterusnya apabila agama Islam berkembang pesat di Tanah Melayu, bahasa Arab juga turut berkembang kerana agama Islam merupakan agama yang diturunkan oleh Allah S.W.T kepada nabi Muhammad SAW melalui wahyu al-Quran dalam bahasa Arab. Oleh itu, bahasa Arab membawa pengaruh yang sangat besar di Malaysia.

Pembelajaran bahasa Arab sangat penting terutama dalam kalangan pelajar bidang pengajian Islam di Malaysia kerana bahasa Arab itu sendiri merupakan bahasa ilmu pengetahuan agama Islam di seluruh penjuru alam kerana al-Quran dan Sunnah Rasulullah S.A.W menjadi sumber utama agama Islam dan kedua-duanya menggunakan bahasa Arab. Bahasa Arab merupakan bidang ilmu yang mengembangkan keterampilan bertutur, menulis, membaca dan mendengar serta mengungkap informasi, fikiran, perasaan serta mengembangkan ilmu pengetahuan, teknologi dan budaya. Selain bahasa Al-Quran, bahasa Arab juga digunakan dalam ibadah umat Islam seperti bacaan dalam solat yang menggunakan bahasa Arab. Hal ini mendorong setiap muslim untuk memepelajarinya serta memahaminya.

Di Malaysia agama rasminya ialah agama Islam, hal ini menjadikan bahasa Arab merupakan bahasa yang perlu dititikberatkan di Malaysia. Bahasa ini turut mendapat perhatian sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dengan menyediakan pelbagai platform aktiviti dan program yang dijalankan bagi memartabatkan kedudukannya dan penguasaannya di Malaysia sebagai salah satu bahasa yang penting (Abdul Razif, 2015). Penitikberatan terhadap pembelajaran bahasa Arab di Malaysia dapat dilihat begitu ketara apabila secara rasminya bahasa ini dimasukkan dalam kurikulum pendidikan Malaysia sebagai bahasa asing. Ia diajar di sekolah sebagai salah satu mata pelajaran bukan sahaja di sekolah aliran Arab bahkan sebagai mata pelajaran wajib di Sekolah Berasrama Penuh Dan Institusi Pengajian Tinggi (Jassem Ali, 1999). Begitu juga di peringkat menengah tinggi, mata pelajaran bahasa

Arab juga merupakan subjek pilihan untuk pelajar Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Walau bagaimanapun, pencapaian bahasa Arab di Malaysia masih berada pada tahap yang tidak memuaskan dan belum mencapai target sasaran (Osman Khalid, 1993; Ab. Rahim Haji Ismail, 1994; Siti Saudah Hassan, 1994; Mat Taib Pa, 2006; Azlan Abd Rahman, 2007; Asar Abdul Karim, 2008; Zamri Arifin et. al., 2014; Azlin Ariffin @ Riffin, Muhamad Suhaimi Taat, 2020). Mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua merupakan pengalaman yang paling mencabar bagi sesetengah pelajar. Kajian menunjukkan pencapaian pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab amat mengecewakan. Pelbagai faktor mempengaruhi kejayaan pelajar dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) bahasa Arab. Hal ini kerana, setiap pelajar datang dari latar belakang yang berbeza, dengan keperluan akademik, budaya, bahasa, minat, dan sikap belajar yang berbeza (Amjah, 2014). Kajian menunjukkan bahawa faktor yang banyak mempengaruhi pencapaian pelajar adalah faktor dalaman yang mungkin berlaku sama ada sebelum atau semasa proses PdPc.

Faktor dalaman merupakan rangsangan dari dalam diri individu yang tidak memerlukan rangsangan dari luar seperti minat, sikap, dan kesungguhan merupakan antara elemen penting bagi menguasai bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Manakala faktor luaran meliputi latar belakang keluarga, kawan, guru dan suasana tempat belajar kurang mempengaruhi proses PdPc bahasa Arab. Kajian menunjukkan bahawa minat adalah komponen penting dalam pencapaian PdPc pelajar (Lee, 1991). Minat belajar akan meningkatkan tumpuan pelajar terhadap pembelajaran, yang akan memberi impak kepada hasil pembelajaran (Abu Bakar, 1994).

Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab di Malaysia, salah satu faktor kecemerlangan pelajar bagi menguasai kemahiran bahasa tersebut adalah minat. Bahasa Arab merupakan salah satu mata pelajaran yang paling mencabar berbanding dengan mata pelajaran yang lain. Ini adalah kerana sistem bahasa Arab agak berbeza dengan bahasa ibunda pelajar iaitu bahasa Melayu. Ramai dalam kalangan pelajar beranggapan bahasa Arab adalah bahasa yang sukar dipelajari. Faktor ini menjadikan pelajar hilang minat dan sekaligus menghasilkan keputusan yang merosot.

Dalam konteks kajian ini, mengenal pasti faktor minat pelajar terhadap bahasa Arab dalam mempelajari bahasa Arab terutama pelajar STPM adalah penting kerana STPM merupakan laluan utama pelajar ke peringkat lebih tinggi di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) khususnya dalam bidang pengajian Islam dan bahasa Arab. Hal ini kerana minat merupakan antara faktor yang penting bagi mencapai kecemerlangan seseorang pelajar terhadap sesuatu bidang yang dikuasai. Oleh itu, kajian tentang minat pelajar yang mengambil subjek bahasa Arab sangat penting dilaksanakan supaya masalah kelemahan penguasaan bahasa Arab dapat diatasi. Disamping itu, penambahbaikan berterusan terhadap PdPc bagi mata pelajaran bahasa Arab STPM juga perlu diteliti supaya melahirkan pelajar yang mempunyai minat yang tinggi untuk cemerlang dan kompetitif sebagai persediaan memasuki institusi pengajian tinggi (Noorlela, 2017).

PEMBELAJARAN DAN MINAT PELAJAR

Minat dalam pembelajaran merujuk kepada kecenderungan atau kesediaan seseorang untuk terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran sesuatu subjek atau topik. Ia melibatkan perasaan positif, keinginan, dan motivasi intrinsik untuk belajar dan memahami subjek tersebut. Minat dalam pembelajaran memainkan peranan penting dalam mempengaruhi sikap, perilaku, dan pencapaian akademik seseorang dalam subjek tertentu.

Terdapat beberapa faktor yang mendorong minat untuk belajar dalam sesuatu mata pelajaran seperti berikut:

1. **Relevansi dan Kepentingan Personal:** Minat dalam pembelajaran berkait rapat dengan kepentingan, keperluan, atau keinginan peribadi pelajar (Deci & Ryan, 1985). Pelajar cenderung untuk lebih bersemangat untuk mempelajari subjek yang berkait rapat dengan minat dan keinginan peribadi mereka (Hidi & Renninger, 2006).
2. **Pengalaman Positif:** Pengalaman positif dalam subjek tertentu meningkatkan minat pelajar untuk terus mempelajarinya (Ainley et al., 2002). Pelajar yang mempunyai pengalaman yang berjaya dalam subjek cenderung untuk mempunyai minat yang lebih tinggi untuk mencapai kejayaan dalamnya (Schunk, 1990).
3. **Persekitaran Pembelajaran yang Menyokong:** Faktor persekitaran pembelajaran seperti penggunaan kaedah pengajaran yang menarik dan guru yang berkualiti mempengaruhi minat pelajar dalam pembelajaran (Ames, 1992; Skinner et al., 2008).
4. **Kaitan dengan Matlamat dan Kehidupan:** Kaitan antara pembelajaran dan matlamat peribadi atau profesional pelajar mempengaruhi minat mereka dalam pembelajaran (Eccles & Wigfield, 2002). Menyedari kaitan antara subjek dengan matlamat kehidupan membantu meningkatkan motivasi dan minat pelajar untuk mempelajarinya (Pintrich & De Groot, 1990).
5. **Pujian dan Pengiktirafan:** Pujian dan pengiktirafan atas usaha dan pencapaian pelajar dalam subjek tertentu mempengaruhi minat mereka untuk terus belajar (Brophy & Good, 1986; Hattie & Timperley, 2007).
6. **Kreativiti dan Ketersediaan Sumber Pembelajaran:** Kaedah pengajaran yang kreatif dan ketersediaan sumber pembelajaran yang pelbagai dapat meningkatkan minat pelajar dalam pembelajaran (Csikszentmihalyi, 1990; Kirschner et al., 2006).

Baker dan Siryk (1984) yang memperkenalkan model keberkesanan akademik berpendapat bahawa, terdapat empat faktor yang mempengaruhi keberkesanan akademik pelajar. Antaranya adalah motivasi, persekitaran, perkembangan dan aplikasi. Empat-empat faktor ini didapati memberi kesan terhadap pencapaian akademik pelajar. Menurut mereka (Baker dan Siryk, 1986) motivasi merupakan faktor pertama yang perlu dititikberatkan dalam menghasilkan kecemerlangan akademik. Motivasi dapat diterjemahkan sebagai daya kekuatan tingkah laku dalam diri individu yang dapat memberi rangsangan, dorongan atau pembangkit semangat yang menghasilkan satu tingkah laku tertentu (Usmara, 2006). Motivasi muncul kerana ada keinginan. Seterusnya, satu interaksi yang menggerakkan satu individu untuk memenuhi keinginan tersebut itulah dipanggil motivasi (Hamzah, 2008).

Motivasi terbahagi kepada dua bahagian iaitu motivasi dalaman (intrinsik) dan motivasi luaran (ekstrinsik). Motivasi intrinsik merupakan rangsangan dari dalam diri individu yang tidak memerlukan rangsangan dari luar kerana kesesuaian keinginannya (Wina Sanjaya, 2008). Jenis motivasi ini juga dikaitkan dengan faktor dalam diri seperti keperluan, minat, rasa ingin tahu, kepuasan sendiri dan lain-lain.

Manakala motivasi ekstrinsik pula adalah motivasi yang muncul kerana adanya rangsangan dari luar individu (Wina Sanjaya, 2008). Jenis motivasi ini dikaitkan dengan faktor luaran seperti guru, suasana pembelajaran dan kurikulum. Sahabuddin (2007) menyatakan bahawa terdapat empat keadaan motivasi iaitu minat, keperluan, harapan, dan kepuasan. Dimiyati & Mudjiono (2002) menyatakan elemen penting pada motivasi intrinsik adalah minat, cita-cita, keinginan belajar, dan jelas matlamat.

Minat pembelajaran yang tinggi, seperti yang diujahkan oleh Hidi & Renninger (2006) berkesan mempengaruhi cara pembelajaran seseorang. Contohnya seorang pelajar yang mempunyai minat yang tinggi akan belajar bersungguh-sungguh dengan memberi tumpuan kepada pelajaran tersebut. Justeru, minat belajar yang tinggi akan mempengaruhi kejayaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Faktor ini sangat penting dalam pembelajaran bahasa. Oleh itu, keperluan dalam meminati bahasa dan mata pelajaran tersebut signifikan untuk memperoleh hasil pembelajaran yang memuaskan.

Pada dasarnya, minat boleh menghasilkan fokus yang mendalam, memudahkan pelajar dalam memberi tumpuan, mengelakkan gangguan pada proses pembelajaran, dan mengurangkan kebosanan belajar (Silvia, 2008). Silvia (2008) menambah bahawa terdapat beberapa indikator yang menunjukkan minat pelajar untuk belajar, seperti minat membaca buku, perhatian dalam pembelajaran, aktiviti pelajar dalam pembelajaran, dan pengetahuan. Pelajar yang berminat dengan sesuatu pelajaran akan mempunyai pengetahuan yang luas tentang pelajaran tersebut dan mendapat faedah daripadanya terutama dalam kehidupan seharian. Minat adalah satu daripada banyak faktor yang mempengaruhi hasil pembelajaran. Semakin tinggi minat pelajar, semakin tinggi hasil pembelajarannya. Sebaliknya, semakin rendah minat dan motivasi, semakin rendah hasil pembelajaran.

Sari (2009) menegaskan keberkesanan tingkah laku pembelajaran dipengaruhi oleh motivasi, minat, usaha, dan penilaian. Minat dan hasil pembelajaran saling berkaitan. Minat belajar memberi sumbangan yang besar kepada kejayaan pelajar (Slameto, 2010). Hakikat ini juga dikuatkan oleh pendapat Sardiman (2011) bahawa proses pembelajaran akan berjalan lancar apabila disertai minat. Begitu juga menurut Burke (1995) minat belajar merupakan faktor utama yang menentukan aktiviti pembelajaran pelajar. Muller & Louw (2004) menjalankan kajian mengenai hubungan antara persekitaran pembelajaran, motivasi dan minat. Hasil kajian menunjukkan faktor intrinsik (minat, motivasi, keyakinan) dan faktor ekstrinsik (guru, kurikulum) mempengaruhi hasil pembelajaran.

Kesimpulannya, minat yang tinggi terhadap pembelajaran merupakan faktor yang signifikan dalam mencapai kejayaan dalam penguasaan ilmu yang dipelajari. Oleh itu, penting bagi pendidik dan pembuat dasar pendidikan untuk mengiktiraf peranan minat dalam PdPc dan membangunkan strategi yang memupuk minat serta menyokong pembelajaran yang efektif dalam PdPc. Dengan demikian, kita dapat memastikan bahawa pelajar memperoleh keupayaan yang diperlukan untuk menguasai ilmu atau kemahiran yang dipelajari dengan lebih baik, yang akan memberi manfaat yang berkekalan dalam konteks pendidikan, profesional, dan kehidupan mereka secara keseluruhan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pengaruh minat terhadap pencapaian mata pelajaran bahasa Arab dalam kalangan calon STPM di Terengganu. Responden kajian melibatkan pelajar menengah tinggi yang akan menduduki STPM di Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di Terengganu. Seramai 126 calon STPM yang mengambil subjek bahasa Arab terlibat dalam kajian ini. Mereka merupakan pelajar semester tiga atau semester akhir. Pengumpulan data dibuat dengan menggunakan kaedah kuantitatif melalui instrumen soal selidik.

Dalam kajian ini, item soal selidik memberikan tumpuan kepada dua konstruk soalan. Konstruk pertama adalah mengenai latar belakang calon STPM di Terengganu. Soalan pada konstruk pertama terdiri daripada lima soalan iaitu nama, nama sekolah, jantina, mula belajar bahasa Arab dan gred terkini peperiksaan bahasa Arab semester kedua. Manakala konstruk kedua pula adalah mengenai latar belakang pengajian bahasa Arab dan minat responden terhadap bahasa Arab. Soalan pada konstruk kedua terdiri daripada lima soalan iaitu tujuan mempelajari bahasa Arab, komponen bahasa Arab yang paling diminati, sebab mengambil subjek bahasa Arab di peringkat STPM, masa mengulangkaji subjek bahasa Arab dalam seminggu dan adakah mereka berminat mempelajari bahasa Arab.

Soalan dalam soal selidik ini terdiri daripada soalan jawapan tertutup. Responden hanya diminta memilih jawapan yang disediakan. Soalan jenis ini dapat memudahkan responden untuk memberikan jawapan yang tepat dan tidak mengambil masa yang terlalu lama. Bagi memastikan pelajar memahami isi kandungan soal selidik, pengkaji mengedarkannya sendiri kepada pelajar, menjelaskan tata cara untuk menjawab soal selidik, menerangkan item-item yang terkandung dalam soal selidik dan memantau sesi menjawab soal selidik tersebut. Masa yang diberikan kepada pelajar untuk menjawab keseluruhan soal selidik ialah 30 minit supaya pelajar dapat menjawabnya dengan tenang.

Data kajian ini dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) yang melibatkan statistik deskriptif, iaitu peratusan dan ujian korelasi. Kemudian, data tersebut dihurai secara deskriptif berpandukan jadual yang terhasil dari analisis data.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini meneroka pengaruh minat terhadap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran bahasa Arab dan faktor-faktor yang boleh mempengaruhi minat tersebut.

1. Pengaruh Minat terhadap Pencapaian Mata Pelajaran Bahasa Arab

Dapatan kajian ini diperolehi daripada 126 responden yang terdiri daripada pelajar semester 3 STPM. Hasil kajian menunjukkan pengaruh minat terhadap pencapaian bahasa Arab adalah tinggi sebagaimana yang dipaparkan dalam Jadual 1.

Gred Ujian	Adakah anda berminat mempelajari bahasa Arab			Jumlah
	Minat	Kurang Minat	Tidak Minat	
A	24 (19%)	3 (2.4%)	0 (0%)	27 (21.4%)
B	36 (28.6%)	9 (7.1%)	1 (0.8%)	46 (36.5%)
C	18 (14.3%)	20 (15.9%)	1 (0.8%)	39 (31.0%)
D	3 (2.4%)	10 (7.9%)	1 (0.8%)	14 (11.1%)
Jumlah	81 (64.3%)	42 (33.3%)	3 (2.4%)	126 (100%)

Jadual 1: Analisis peratusan pengaruh minat terhadap pencapaian bahasa Arab

Jadual 1 menunjukkan pelajar yang mempunyai minat yang tinggi dalam mempelajari bahasa Arab cenderung untuk mencapai gred yang lebih tinggi dalam ujian akhir. Sebagai contoh, jumlah pelajar yang mendapat gred A dan menunjukkan minat adalah 24, manakala hanya 3 orang pelajar yang mendapat gred A tetapi kurang berminat.

Sebaliknya, pelajar yang kurang berminat atau tidak berminat cenderung untuk mencapai gred yang lebih rendah dalam ujian akhir. Misalnya, hanya 3 pelajar yang tidak berminat memperoleh gred A, berbanding dengan 24 pelajar yang berminat.

Dapatan ini menunjukkan terdapat pola yang jelas di mana minat yang lebih tinggi dalam mempelajari Bahasa Arab berkait rapat dengan pencapaian akademik yang lebih baik, manakala minat yang rendah berkait rapat dengan pencapaian yang lebih rendah.

Jadual 2 pula menunjukkan data yang dianalisis dengan ujian korelasi SPSS bagi melihat pengaruh minat terhadap pencapaian bahasa Arab.

Korelasi minat dengan pencapaian Bahasa Arab			
		Gred Ujian Akhir Semester dua	Adakah anda berminat mempelajari bahasa Arab
Gred Ujian Akhir Semester dua	Pearson Correlation	1	.444**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	126	126
Adakah anda berminat mempelajari bahasa Arab	Pearson Correlation	.444**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	126	126

Jadual 2: Korelasi pengaruh minat terhadap pencapaian bahasa Arab.

Dapatan menunjukkan terdapat korelasi antara minat dalam mempelajari Bahasa Arab dengan pencapaian dalam ujian pencapaian Bahasa Arab (ujian akhir semester dua). Korelasi Pearson antara kedua-dua pemboleh ubah adalah sebanyak 0.444, yang menunjukkan terdapat hubungan positif yang sederhana antara minat dalam mempelajari Bahasa Arab dengan pencapaian dalam ujian akhir semester dua.

Hasil yang signifikan pada nilai $p < 0.05$ menunjukkan bahawa korelasi antara minat dalam mempelajari Bahasa Arab dan pencapaian dalam ujian akhir semester dua adalah secara statistik signifikan. Ini bermakna bahawa minat yang tinggi dalam mempelajari Bahasa Arab berkait rapat dengan pencapaian yang lebih baik dalam ujian akhir semester dua.

Analisis ini menunjukkan bahawa minat pelajar dalam mempelajari Bahasa Arab memainkan peranan penting dalam menentukan pencapaian akademik mereka dalam menguasai subjek ini. Hal ini menekankan kepentingan untuk memotivasi dan memberi dorongan kepada pelajar untuk memperkukuhkan minat mereka dalam PdPc Bahasa Arab, yang dapat memberi impak positif terhadap pencapaian akademik mereka.

2. Faktor yang mendorong minat belajar Bahasa Arab

Analisis data berkaitan faktor yang mendorong minat belajar Bahasa Arab diperolehi dari 60 orang responden yang memperolehi gred A dan B yang mempunyai minat mempelajari Bahasa Arab (rujuk Jadual 1). Dapatan menunjukkan bahawa terdapat empat perkara yang boleh dianggap sebagai faktor yang menjadi mendorong kepada minat belajar Bahasa Arab. Antara faktor tersebut adalah tempoh mula belajar bahasa Arab, tujuan mempelajari bahasa Arab, sebab memilih subjek bahasa Arab di peringkat STPM dan komponen bahasa Arab yang paling diminati.

1. Tempoh belajar bahasa Arab

Bagi mengkaji faktor yang boleh mempengaruhi minat belajar Bahasa Arab, tempoh belajar bahasa Arab dianalisis berdasarkan waktu permulaan mempelajari Bahasa Arab sama ada di peringkat pra sekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah.

Mula belajar bahasa Arab	Bilangan Responden
Pra Sekolah	29 (48.3%)
Sekolah Rendah	29 (48.3%)
Sekolah Menengah	2 (3.3%)
Jumlah	60 (100%)

Jadual 3: Tempoh belajar bahasa Arab

Jadual 3 menunjukkan majoriti pelajar mempelajari bahasa Arab semenjak pra sekolah iaitu seramai 48.3% dan sekolah rendah iaitu seramai 48.3%. Secara keseluruhannya seramai 96.6% pelajar telah mempelajari bahasa Arab semenjak di bangku pra sekolah (berusia 5 dan 6 tahun) dan sekolah rendah (berusia 7 tahun) iaitu selama tempoh lebih kurang 12 dan 13 tahun. Hanya 3.3% sahaja pelajar yang mula belajar bahasa Arab di peringkat sekolah menengah. Justeru faktor mempelajari bahasa Arab dalam tempoh yang lama merupakan antara perkara yang mendorong pelajar minat untuk mempelajari bahasa Arab dengan lebih mendalam serta mempertingkatkan kemahiran mereka.

Dapatan menunjukkan bahawa apabila pelajar terdedah dengan bahasa Arab dalam tempoh yang panjang, ia mendorong mereka mempunyai minat yang tinggi serta dapat menguasai bahasa Arab dengan cemerlang. Oleh itu, ibu bapa berperanan penting dalam memberi pendedahan terhadap bahasa arab kepada pelajar

2. Tujuan mempelajari bahasa Arab

Kajian ini menganalisis tujuan belajar bahasa Arab dalam kalangan pelajar yang meminati bahasa Arab. Pemilihan tujuan yang terbanyak menjadi sebahagian daripada faktor yang mendorong minat belajar Bahasa Arab.

Tujuan Mempelajari bahasa Arab	Minat
Mendalami Ajaran Agama	33 (55%)
Mendalami kemahiran bahasa Arab	22 (36.7%)
Untuk bertutur dalam bahasa Arab	4 (6.7%)
Hanya sebagai mata pelajaran tambahan	1 (1.7%)
Jumlah	60 (100%)

Jadual 4: Tujuan Mempelajari bahasa Arab

Jadual 4 menunjukkan pilihan jawapan bagi soalan tujuan mempelajari Bahasa Arab. Majoriti pelajar iaitu seramai 91% pelajar mempelajari Bahasa Arab adalah untuk mendalami ajaran agama Islam dan kemahiran Bahasa Arab. Justeru, mempelajari Bahasa Arab untuk tujuan tersebut merupakan antara faktor yang mendorong minat mereka untuk menguasai Bahasa Arab sebagai Bahasa al-Quran dan Hadis. Manakala, hanya 6.7% dan 1.7% daripada pelajar, mempelajari Bahasa Arab untuk bertutur dan menjadikan Bahasa Arab sebagai mata pelajaran tambahan sahaja.

Dapatan menunjukkan bahawa pelajar yang mengetahui tujuan dan keperluan mereka mempelajari bahasa Arab merupakan antara faktor yang mendorong pelajar lebih bermotivasi untuk menguasai Bahasa Arab dengan cemerlang. Tujuan mempelajari agama Islam yang berteraskan al-Quran dan al-sunnah, dan mendalami Bahasa Arab merupakan anantara faktor yang dapat mendorong pelajar mempunyai minat untuk menguasai Bahasa Arab dengan lebih baik.

Oleh itu, mengetahui tujuan dan keperluan mempelajari Bahasa Arab merupakan antara faktor yang boleh mendorong minat pelajar untuk menguasai Bahasa tersebut.

3. Sebab mengambil subjek Bahasa Arab di peringkat STPM

Dalam konteks kajian ini faktor kenapa pelajar memilih subjek Bahasa Arab diperingkat STPM dianalisa bagi menentukan pengaruhnya kepada minat belajar Bahasa Arab. Dapatan menunjukkan bahawa pelajar yang minat Bahasa Arab mengetahui keperluan Bahasa Arab adalah untuk menyambung pengajian dalam bidang agama.

Sebab mengambil subjek bahasa Arab	Bilangan pelajar yang minat Bahasa Arab
Terpaksa/ tiada pilihan	1 (1.7%)
Dapat menyambung pengajian dalam bidang agama	59 (98.3%)
Jumlah	60 (100%)

Jadual 5: Sebab Pemilihan Subjek Bahasa Arab di peringkat STPM

Berdasarkan Jadual 5, terdapat dua sebab pemilihan subjek Bahasa Arab di peringkat STPM, iaitu, terpaksa atau tiada subjek lain untuk dipilih dan supaya dapat menyambung pengajian dalam bidang agama. Dapatan menunjukkan bahawa majoriti pelajar iaitu seramai 98.3% memilih subjek Bahasa Arab supaya dapat menyambung pengajian dalam bidang agama. Manakala hanya 1.7% sahaja memilih subjek Bahasa Arab kerana terpaksa disebabkan tiada subjek lain yang boleh dipilih. Sebagai contoh sesebuah sekolah telah menetapkan subjek-subjek tertentu untuk pelajar dalam peperiksaan STPM.

Dapatan menunjukkan bahawa pelajar yang mengetahui dengan jelas keperluan satu-satu mata pelajaran bagi memilih bidang yang ingin mereka pelajari di Institusi Pengajian Tinggi adalah penting untuk mereka lebih berusaha kearah pencapaian yang baik dalam subjek berkenaan. Dalam konteks kajian ini pelajar yang minat Bahasa Arab mengetahui keperluan Bahasa Arab untuk menyambung pengajian dalam bidang agama. Faktor ini menjadi pendorong kepada mereka untuk lebih meminati subjek ini dan berusaha untuk menguasainya dengan cemerlang.

Dapatan menunjukkan bahawa pelajar tahu tujuan mereka memilih Bahasa Arab dalam peperiksaan STPM iaitu supaya mereka dapat menyambung pengajian dalam bidang agama. Justeru, faktor ini menjadi antara faktor yang mendorong pelajar minat Bahasa Arab dan berusaha dengan lebih gigih untuk menguasainya dengan lebih baik.

4. Komponen bahasa Arab

Dalam konteks pemilihan komponen Bahasa Arab, dapatan menunjukkan bahawa pelajar tahu komponen yang dapat membantu mereka menguasai kemahiran Bahasa Arab iaitu nahu dan sorof. Menguasai tatabahasa Arab yang meliputi nahu dan sorof merupakan antara faktor yang mempengaruhi penguasaan kemahiran Bahasa Arab. Faktor meminati nahu dan sorof akan menjadi pendorong penguasaan kemahiran Bahasa Arab. Justeru penekanan perlu diberikan oleh guru dan pelajar dalam proses PdPc agar pelajar terus meminati Pelajaran tersebut.

Komponen bahasa Arab yang paling diminati	Minat
Nahu dan Sorof	40 (66.7%)
Balaghah	9 (15%)
Bacaan teks dan menjawab soalan kefahaman	8 (13.3%)
Nusus	1 (1.7%)
Insyah	2 (3.3%)
Jumlah	60 (100%)

Jadual 6: Komponen bahasa Arab yang paling diminati

Berdasarkan Jadual 6, komponen Bahasa Arab yang paling diminati oleh pelajar ialah nahu dan sorof, iaitu sebanyak 66.7%. Hal ini menunjukkan minat terhadap komponen nahu sorof sangat membantu mereka menguasai bahasa Arab dan mencapai gred yang tinggi. Bila pelajar minat nahu sorof, pelajar terdorong untuk mempunyai minat sekaligus dapat menguasai bahasa Arab dengan baik. Oleh itu, guru perlu memberi fokus yang lebih terhadap subjek nahu dan sorof supaya mereka lebih cemerlang.

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini meneroka hubungan minat dengan pencapaian bahasa Arab dan juga faktor-faktor yang mendorong pelajar meminati bahasa Arab. Minat belajar sesuatu mata pelajaran perlu dipupuk dan disemai dalam diri pelajar. Hal ini kerana minat yang mendalam akan mendorong seseorang berusaha dengan gigih untuk mencapai kejayaan dalam bidang yang diminati. Seseorang pelajar juga dapat mengubah sikap mereka ke arah yang lebih baik sekiranya faktor minat belajar sesuatu bidang ada dalam diri mereka.

Dalam konteks kajian ini dapatan menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara minat pelajar dalam mempelajari Bahasa Arab dengan pencapaian mereka dalam mata pelajaran tersebut. Dapatan ini mengesahkan bahawa minat belajar memberi sumbangan yang besar kepada kejayaan dan pencapaian pelajar (Slameto, 2010). Hal ini kerana keberkesanan tingkah laku pembelajaran dipengaruhi oleh motivasi, minat dan usaha (Sari, 2009). Ini menunjukkan bahawa memotivasi dan menyokong minat pelajar dalam pembelajaran dapat memberi kesan positif terhadap pencapaian akademik mereka.

Hasil dapatan berkaitan faktor yang mendorong minat belajar bahasa Arab menunjukkan bahawa keempat-empat faktor yang dijelaskan adalah berkaitan dengan faktor kepentingan personal dan pengalaman belajar yang positif. Mengetahui tujuan, keperluan dan kepentingan sesuatu ilmu atau kemahiran yang dipelajari merupakan kepentingan personal seseorang pelajar. Pengetahuan yang tepat tentang komponen ilmu yang dipelajari dan kegunaannya adalah antara pendorong kepada minat untuk menguasai ilmu tersebut. Dapatan ini mengesahkan bahawa pelajar cenderung untuk lebih bersemangat dalam mempelajari subjek yang berkait rapat dengan minat dan keinginan peribadi mereka (Hidi & Renninger, 2006).

Manakala dari aspek pengalaman belajar yang positif ianya menjurus kepada dapatan kajian berkaitan dengan tempoh belajar Bahasa Arab. Sebagaimana yang telah dijelaskan dapatan menunjukkan bahawa pelajar yang minat belajar Bahasa Arab mempunyai pengalaman belajar dalam tempoh yang lama. Dapatan ini juga mengesahkan bahawa pengalaman positif dalam subjek tertentu meningkatkan minat pelajar untuk terus mempelajarinya (Ainley et al., 2002). Ia juga mengesahkan bahawa pelajar yang mempunyai pengalaman yang berjaya dalam subjek cenderung untuk mempunyai minat yang lebih tinggi untuk mencapai kejayaan dalamnya (Schunk, 1990).

Secara tuntasnya, kajian ini telah meneroka dan mengesahkan kajian-kajian yang lepas berkaitan hubungan minat dengan pencapaian dalam pembelajaran khususnya mata pelajaran Bahasa Arab. Disamping itu, kajian ini juga dapat mengenal pasti beberapa faktor khusus yang mempengaruhi minat pelajar untuk menguasai dan cemerlang dalam pembelajaran Bahasa Arab.

KESIMPULAN

Bahasa Arab, sebagai bahasa yang kaya dengan sejarah, kesusasteraan, dan signifikannya dalam konteks agama, semakin mendapat perhatian dalam kalangan pelajar di Malaysia. Dalam menjejar Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), kefahaman dan kefasihan dalam Bahasa Arab bukan sahaja menjadi satu keperluan akademik tetapi juga membuka pintu kepada pemahaman mendalam terhadap budaya dan agama.

Kajian terkini telah memberikan pencerahan terhadap hubungan yang signifikan antara minat terhadap pembelajaran Bahasa Arab dan tahap penguasaan bahasa tersebut dalam kalangan pelajar. Dalam kajian ini, minat tidak hanya dianggap sebagai faktor yang mempengaruhi kebolehan pelajar untuk mempelajari dan menguasai Bahasa Arab, tetapi juga sebagai penanda aras yang penting bagi kejayaan mereka dalam subjek tersebut.

Salah satu penemuan yang menarik adalah bahawa minat yang tinggi dalam pembelajaran Bahasa Arab seringkali berkorelasi dengan tahap penguasaan yang lebih baik. Pelajar yang menunjukkan minat yang mendalam dalam mempelajari Bahasa Arab cenderung untuk memperoleh pencapaian yang lebih cemerlang dalam subjek ini. Ini mungkin disebabkan oleh kecenderungan mereka untuk meluangkan lebih banyak masa dan usaha dalam pembelajaran, serta sikap yang positif terhadap cabaran yang dihadapi.

Namun, walaupun minat memainkan peranan penting, ia bukanlah satu-satunya faktor yang menentukan kejayaan dalam penguasaan Bahasa Arab. Faktor lain seperti sokongan dari guru, persekitaran pembelajaran yang kondusif, dan pendekatan pembelajaran yang berkesan juga memainkan peranan yang penting dalam membentuk kebolehan pelajar dalam bahasa ini.

Kesimpulannya, minat yang tinggi terhadap pembelajaran Bahasa Arab merupakan faktor yang signifikan dalam mencapai kejayaan dalam subjek ini di kalangan calon STPM Malaysia. Oleh itu, penting bagi pendidik dan pembuat dasar pendidikan untuk mengiktiraf peranan minat dalam pembelajaran Bahasa Arab dan untuk membangunkan strategi yang memupuk minat serta menyokong pembelajaran yang efektif dalam subjek ini. Dengan demikian, kita dapat memastikan bahawa pelajar memperoleh keupayaan yang diperlukan untuk menguasai Bahasa Arab dengan lebih baik, yang akan memberi manfaat yang berkekalan dalam konteks pendidikan, profesional, dan kehidupan mereka secara keseluruhan.

RUJUKAN

- Ab. Rahim Ismail. (1994). *Pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua: permasalahan dan penyelesaian*. Persuratan Islam (hlm. 38-49). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Razif Zaini. (2015). *Penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar melayu di peringkat Kolej Universiti* (pp. 1–368).
- Abu Bakar Nordin (1994). *Reformasi Pendidikan dalam Menghadapi Cabaran 2020*. Kuala Lumpur: Cetaktama Press.
- Ames, C. (1992). *Classrooms: Goals, structures, and student motivation*. Journal of Educational Psychology, 84(3), 261–271.
- Amjah, D. Y. P. H. (2014). *A Study of Teachers' Strategies So Develop Students' Interest towards Learning English as a Second Language*. Procedia-Social and Behavioral Sciences, 134, 188-192.
- Ainley, M., Hidi, S., & Berndorff, D. (2002). *Interest, learning, and the psychological processes that mediate their relationship*. Journal of Educational Psychology, 94(3), 545–561.
- Asar Abdul Karim. (2008). *Bahasa Arab Untuk Semua*. Kuantan: Penerbit Universiti Malaysia Pahang.
- Azlan Abd. Rahman. (2007). *Masdar Bahasa Arab: Fungsi dan Penggunaan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Azlin Ariffin @ Riffin, Muhamad Suhaimi Taat (2020), *Penguasaan Bahasa Arab: Hubungannya Dengan Sikap Murid dan Pengajaran Guru*. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 5, Issue 3, (page 13 – 23).
- Baker, R. W., dan Siryk, B. (1986). *Exploratory intervention with a scale measuring adjustment to college*. Journal of Counseling Psychology, 33(1), 31–38.
- Brophy, J., & Good, T. (1986). *Teacher behavior and student achievement*. In M. C. Wittrock (Ed.), *Handbook of research on teaching* (3rd ed., pp. 328–375). Macmillan.
- Burke, J. (1995). *Outcomes, learning and the curriculum: Implications for NVQs, GNVQs and other qualifications*. London: The Falmer.
- Csikszentmihalyi, M. (1990). *Flow: The psychology of optimal experience*. Harper & Row.
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (1985). *Intrinsic motivation and self-determination in human behavior*. Plenum Press.
- Eccles, J. S., & Wigfield, A. (2002). *Motivational beliefs, values, and goals*. *Annual Review of Psychology*, 53, 109–132.
- Dimiyati, dan Mudjiono. (2002). *Belajar dan Pembelajaran*. Jakarta: Asdi Mahasatya
- Hamzah (2008). *Teori Motivasi & Pengukurannya: Kajian & Analisis Di Bidang Pendidikan*, 2008, Hal. 5.
- Hattie, J., & Timperley, H. (2007). *The power of feedback*. *Review of Educational Research*, 77(1), 81–112.
- Hidi, S., & Renninger, K. A. (2006). *The four-phase model of interest development*. *Educational Psychologist*, 41(2), 111–127.

- Jassem Ali. (1999). *Study on Second Language Learners of Arabic: An Error of analysis Aproach*. University of Malaya.
- Kirschner, P. A., Sweller, J., & Clark, R. E. (2006). *Why minimal guidance during instruction does not work: An analysis of the failure of constructivist, discovery, problem-based, experiential, and inquiry-based teaching*. *Educational Psychologist*, 41(2), 75–86.
- Lee Shok Me. (1991). *Asas Pendidikan Psikologi dalam Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Mat Taib Pa. (2006). *Dasar-dasar umum pengajaran Bahasa Arab di Malaysia [General principles of Arabic Language teaching in Malaysia]*. In Mohd. Rosdi Ismai & Mat Taib Pa (Eds.), *Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia [The teaching and learning of the Arabic Language in Malaysia]*. (Kuala Lumpur: University Malaya publications
- Muller, F. H., & Louw, J. (2004). *Learning environment, motivation, and interest: perspectives on self-determination theory*. *Psychological Society of South Africa*, 34(2), 169-190.
- Naquib al-Attas, Syed Muhammad. (1984). *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noor Lela Ahmad, and Rohaila Yusof, and Rosmini Ismail. (2017). *Keberkesanan sistem pentaksiran baharu STPM bagi mata pelajaran Perakaunan dari perspektif pelajar tingkatan enam*. *Jurnal Personalia Pelajar*, 20 (2). pp. 37-48.
- Osman Khalid. (1993). *Pengajian Bahasa Arab di sekolah-sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi di Malaysia*. dalam Ismail Ab Rahman, Abd Aziz @ Ahmad dan Mohd Yasin Muda (pnyt). *Isu-isu Pendidikan Islam di Malaysia : Cabaran dan Harapan* (hlm. 210-217). Kuala Terengganu: Penerbit Kolej Agama Sultan Zainal Abidin
- Pintrich, P. R., & De Groot, E. V. (1990). *Motivational and self-regulated learning components of classroom academic performance*. *Journal of Educational Psychology*, 82(1), 33–40.
- Schunk, D. H. (1990). *Goal setting and self-efficacy during self-regulated learning*. *Educational Psychologist*, 25(1), 71–86.
- Skinner, E. A., Furrer, C., Marchand, G., & Kindermann, T. (2008). *Engagement and disaffection in the classroom: Part of a larger motivational dynamic?* *Journal of Educational Psychology*, 100(4), 765–781.
- Sahabuddin. (2007). *Mengajar dan Belajar*. Makassar: Badan Penerbit UNM.
- Sardiman, A. M. (2011). *Interaksi dan motivasi belajar mengajar*. Jakarta: Rajawali Press.
- Sari, A. R. (2009). *Media pembelajaran*. Palembang: Rajawali Pers.
- Silvia, P. J. (2008). *Interest—The curious emotion*. *Current Directions in Psychological Science*, 17(1), 57–60.
- Siti Saudah Hassan. (1994). *Pengajaran Bahasa Arab dan Permasalahan Pembelajaran*. *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Asing dalam Masyarakat Pelbagai Etnik di Malaysia* (hlm. 90- 98). Bangi: Pusat Bahasa Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Slameto. (2010). *Belajar dan faktor faktor yang mempengaruhi*. Jakarta: Rineka Cipta.

- Usmara A. (2006). *“Motivasi Kerja: Proses, Teori, Dan Praktik,”* Yogyakarta: Amara Books, Hal. 12.
- Wina Sanjaya (2008), *Kurikulum Dan Pembelajaran (Teori & Praktek KTSP)* Hal.256.
- Zainur Rijal Abdul Razak dan Rosni Samah (2007). *kesan bahasa Arab dalam peradaban Melayu di Malaysia*. Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan: Penerbit Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Zamri Ariffin, Ezad Azraai Jamsari, Khaulah Riddzwan, Muhamad Ridzuan Abdul Latif & Zulazhan Ab Halim. (2014). *Attitudes of Distance Learning Students at UKM’s Faculty of Islamic Studies Towards Learning Arabic Language Skill Courses*. Turkish Online Journal of Distance Education. 15 (1). 174-188.